

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
[ MARANG ]**

**TARIKH : 27.5.2015**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh pihak universiti untuk memberi hak kebebasan bersuara kepada mahasiswa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi peluang dan galakan kepada mahasiswa untuk menyuarakan pandangan mereka mengikut saluran yang betul. Antara contoh platform yang disediakan adalah melalui Mesyuarat Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) yang diadakan secara tahunan. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Menteri-menteri dan, pengurusan tertinggi Kementerian/agensi kerajaan yang berkaitan. Selain itu mahasiswa juga diberi peluang bersuara melalui Parlimen Mahasiswa di mana wakil-wakil mahasiswa diberi peluang untuk bersuara dan berbahas mengikut konsep Parlimen. Di peringkat universiti pula Konvensyen Pemimpin Pelajar IPT dan Konvensyen Pemimpin Pelajar Kolej Kediaman turut diadakan.

Di samping itu, Sudut Pidato diperkenalkan semula bagi memberi peluang kepada mahasiswa untuk mengeluarkan pandangan secara bebas, intelektual dan membahaskan sesuatu isu secara ilmiah selaras dengan semangat pindaan Seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti.

RJM52